



**SESI  
PERKONGSIAAN  
ILMU : 3/2022**

**MEI 2022**

**ULASAN BAHAN BACAAN OLEH :  
HASLINA HUSSIN  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIT KATALOG  
ULASAN 3**

# PAKCIK KEREK SEMANIS PAVLOVA

Pengarang :

**Aliessa Kirana**

Penerbit :

**Karya Seni**

ISBN :

**9789674690496**

Tahun :

**2017**

Harga :

**RM23.00**

Nombor panggilan :

**PL5139.A45 P35 2017**

Bil. bab :

**82 + Prolog + Epilog**

Bil. ms :

**532**

FB :

<https://www.facebook.com/NovelisAliessaKirana>



**ALIESHA  
KIRANA**



*Adakah benar dia tak  
pernah suka atau  
sudah lama lelaki itu  
bertakhta?*

KARYA NOVELIS BESTSELLER

LOVE YOU MR. ARROGANT (ADAPTASI KE DRAMA), MISS YOU MR. ARROGANT,  
MAMAT MUKA SELENGA (ADAPTASI KE DRAMA) DAN ANGIN CINTA (ADAPTASI TELEFILEM).




# PAKCIK KEREK SEMANIS PAVLOVA





# PAKCIK KEREK SEMANIS PAVLOVA





# PAKCIK KEREK SEMANIS PAVLOVA



ALIESHA KIRANA

Karya Seni

MAMAT MUKA

*Selenga*

Putih-putih melati,  
Merah-merah delima,  
Dalam banyak-banyak lelaki,  
Kenapa mesti dia?

LAGU NOVEL IS BESTSELLER  
LOVE YOU MR. ARROGANT / SEPIKAS SIA FRAMA / CINTA BERSAIZ XXL  
MISS YOU MR. ARROGANT / TAN ANGIN CINTA / ADAPTASI TELITILING

Karya Seni

Azrel Ismail Izreen Azminda

LELAKI MACAM

1 Dia

MAMAT MUKA  
*Selenga*

Mula 18 Julai  
Isnin-Khamis  
10.00-11.00 malam



astro  
warna

Adaptasi daripada novel bestseller  
Mamat Muka Selenga

Karya Seni



# PAKCIK KEREK SEMANIS PAVLOVA



# PAKCIK KEREK SEMANIS PAVLOVA



Kisah seorang gadis bernama Ajda yang mengusahakan perniagaan online The Jida Dessert. Dia telah memohon untuk menjadi vendor di sebuah butik terkenal iaitu Talqisyah dan menerima layanan kerek daripada pemilik butik tersebut iaitu Megat Talhah. Saya seronok dengan watak Ajda he he....walaupun nampak lurus bendul tetapi dia punya prinsip dan keperibadian hidup yang tinggi.

Megat Talhah berhadapan dengan masalah teman wanitanya bernama Melissa seorang model muslimah yang telah lama bercinta dengannya namun tidak mahu melangsungkan perkahwinan dengannya. Hal ini disebabkan keluarga Melissa tidak boleh menerima kehadiran Qisyah anak buah Megat Talhah yang lumpuh. Qisyah tinggal bersama dengan Megat semenjak kematian kedua-dua ibu bapanya dalam sebuah kemalangan kereta yang dipandu oleh Megat sendiri. Kejadian ini turut menjadikan Megat trauma untuk memandu kereta.

Qisyah yang telah lama mengasingkan diri selepas ditimpa kemalangan mendapat cahaya baru apabila dia berjumpa semula dengan kawan baiknya ketika berada di universiti iaitu Ajda. Namun kehadiran Dr Ikhwan yang menunjukkan minat terhadap Ajda menimbulkan rasa cemburu dan tidak senang dalam diri Qisyah. Dia sebenarnya telah lama meminati secara diam Dr Ikhwan yang juga merupakan doktor yang merawatnya. Oleh tu, Qisyah telah mengatur strategi serampang dua mata iaitu untuk menjauhkan Dr Ikhwan dengan sahabatnya dan sekaligus memberikan sinar kebahagiaan kepada pakciknyanya yang telah dikecewakan oleh teman wanitanya. Qisyah akhirnya telah meminta supaya Ajda berkahwin dengan Pak Su dengan alasan mereka dapat menghabiskan masa bersama.

Satu pekara yang mengejutkan Ajda apabila telah menyatakan persetujuan untuk berkahwin dengan Pak Su sahabatnya itu .. Pak Su Qisyah ialah Pakcik Kerek Pemilik Butik Talqisyah iaitu Megat Talhah yang sangat digeruni oleh Ajda...banyak kisah lucu antara mereka sewaktu ingin mengenali hati budi masing-masing... Namun mereka dikejutkan dengan kematian Qisyah secara tiba-tiba apabila jangkitan kuman merebak ke seluruh badannya. Ajda berasa sangat sedih dan dia berasa tidak layak untuk meneruskan perkahwinannya dengan Megat Talhah apatah lagi selepas Melissa datang berjumpa dengannya memohon supaya Ajda berpisah dengan Megat.

Timbul konflik kerana Megat sudah mula mencintai Ajda dan telahpun membuang jauh Melissa daripada hidupnya namun Ajda pula tidak dapat mempercayai segala kata-kata dan kesungguhan Megat Talhah untuk meneruskan perkahwinan mereka. Di saat Megat Talhah meninggalkannya selama 2 bulan atas urusan perniagaan di Jakarta, Ajda mula merasakan kehilangan dan akhirnya dia memutuskan untuk kembali dan menerima Megat Talhah.




# PAKCIK KEREK SEMANIS PAVLOVA



**MEGAT TALHAH** – Pemilik butik yang serius, bersikap *kerek*, berusia 37 tahun.

- Pemilik butik Talqisyah dan Taljida yang menukar kerjaya daripada seorang jurutera kepada pemilik butik untuk menjaga kebajikan anak saudaranya yang lumpuh akibat kemalangan.
- Mula mengenali hati budi Ajda, namun masih bersikap dingin dalam hubungan mereka yang telah diikat dengan tali pertunangan.



- Bekas tunang Megat Talhah yang enggan berkahwin dengannya kerana tidak dapat memikul tanggungjawab menjaga anak saudara Megat Talhah yang lumpuh.
- Kembali mengharap cinta Megat Talhah selepas kematian Qisya, selepas Megat Talhah mula jatuh hati pada Ajda.

**MELISSA OMAR** – Model fesyen muslimah yang keliru di dalam membuat pilihan sama ada keluarga atau kekasih!



# PAKCIK KEREK SEMANIS PAVLOVA



**AJDA SAJIDAH** - Pengusaha manisan *pavlova* kecil-kecilan dari rumah.

- Seorang gadis sempoi yang gemar berpakaian jubah dan *sneakers*.
- Mengenal Megat Talhah semasa membuat permohonan untuk menjadi vendor makanan di butik Talqisyah.
- Pertemuan pertama yang kurang menyenangkan kedua-dua belah pihak.
- Rakan baik kepada Qisyah tanpa mengetahui Megat Talhah adalah bapa saudaranya.
- Terlalu menyayangi Qisyah sehingga sanggup menerima saranan untuk berkahwin dengan Megat Talhah semata-mata untuk menjaga kebajikan sahabatnya yang lumpuh.

- Kembali menemui Qisyah selepas 4 tahun graduasi semasa menghantar *pavlova* ke kafe di hospital, tempat kerja Dr. Ikhwan yang juga tempat Qisyah mendapatkan rawatan pemulihan.
- Pembukaan butik Taljida merupakan hadiah dari Megat Talhah sempena perkahwinan mereka yang dirancang oleh Qisyah.
- Memberi tumpuan kepada pengurusan butik Talqisha & Taljida sejurus bertunang dengan Megat Talhah.

# PAKCIK KEREK SEMANIS PAVLOVA



**QISYA** – Anak saudara Megat Talhah | rakan sebilik Ajda semasa di Universiti.

- Lumpuh akibat kemalangan yang meragut kedua ibubapanya semasa ingin menghadiri majlis
- konvokesyen di Terengganu.
- Mempunyai niat untuk memisahkan Ajda dari Dr. Ikhwan → merancangkan pertunangan Ajda dengan Megat Talhah.

**DR. IKHWAN** - Doktor yang merawat Qisya.

- Menyimpan rasa cinta pada Ajda dalam diam
- Meluahkan isi hati kepada Ajda sejujur selepas Ajda bertunang dengan Megat Talhah
- Model sambilan
- Mengambil *job* sebagai model untuk butik Taljida
- Ajda merancang untuk memperkenalkan beliau dengan Melissa, bekas tunang megat Talhah.





# PAKCIK KEREK SEMANIS PAVLOVA



## MEGAT TALHAH & AJDA SAJIDAH

- Sukar mencari persamaan di antara mereka berdua kerana seorang kerek dan seorang lagi sempoi.
- Hanya 1 persamaan yang nyata, kedua-duanya sangat menyayangi Qisya.
- Jarak usia = 11 tahun, malah Megat Talhah lebih tua 4 tahun dari abang sulung Ajda.
- Meskipun jarak usia yang jauh, kedua-dua watak ini digambarkan sebagai insan yang sangat matang dalam menangani kehidupan dan saling melengkapi antara satu sama lain.
- Secara keseluruhan konflik dalam jalan cerita ini muncul apabila Ajda bertemu dengan Qisya secara tidak sengaja selepas 4 tahun terpisah tanpa khabar berita.

# PAKCIK KEREK SEMANIS PAVLOVA



- Jenis penulisan yang baca :
  - Romantik komedi + sedih
- Sasaran pembaca :
  - Remaja + penggemar novel
- Penyampaian penulis :
  - Mudah difahami + gaya bersahaja + sangat menarik
- Pengajaran / kebaikan penulisan :
  - Takdir yang tertulis untuk kita tidak mampu disangkal meskipun peluang terbentang luas di depan mata! Redha itu penting!
  - Jangan cepat mengalah, belajar menjadi orang yang memahami kesukaran orang lain.
  - Pandang manusia itu dari hati! Nilai kejujuran & keikhlasan lebih utama dari penampilan diri.
  - *Craving* nak makan pavlova!!!
- Kenapa bahan berkenaan dipilih untuk diulas :
  - Bacaan yang santai
  - Sesuai untuk menukar mode selepas waktu bekerja!
  - Judul yang menarik perhatian
  - Addict membaca novel

## ULASAN ISI KANDUNGAN BAHAN



# PAKCIK KEREK SEMANIS PAVLOVA



## 1. BETAPA TINGGINYA NILAI SEBUAH PERSAHABATAN

- Kawan ketawa senang dicari, kawan menangis sukar dicari.....ketika kita senang begitu ramai sekali orang yang sanggup berada di sekeliling kita, tidak kiralah sama ada ikhlas atau tidak berkawan dengan kita, itu jatuh di tempat yang kedua...dalam dunia sekarang...nilai keikhlasan sudah tidak menjadi asas penting dalam persahabatan...apa yang penting ialah apa yang dia boleh dapat daripada jalinan persahabatan itu. Ini sememangnya menyakitkan kerana ketara sangat orang tersebut hanya berkawan pada waktu kita senang sahaja.

- Namun dalam banyak-banyak kawan kita yang berperangai begini, pasti akan wujud seorang kawan yang sentiasa bersama kita, ikhlas berkawan dengan kita dalam apa keadaan sekalipun. Jika ada sahabat seperti ini, jagalah dan hormatilah sebab bukan mudah untuk menemui insan yang benar-benar menghargai kita sebagai sahabat.

## 2. JANGAN BIARKAN EMOSI MENGUASAI DIRI SEHINGGA TIMBUL SIFAT MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI

- Jangan ambil kesempatan terhadap orang yang betul-betul ikhlas bersama kita. Sekali anda mengkhianatinya, saat itu juga anda akan kehilangan kepercayaannya. Rasa rendah diri terhadap kekurangan yang ada tidak boleh dijadikan alasan untuk membiarkan emosi menguasai kita sehingga melakukan perkara yang boleh menghancurkan kehidupan orang lain.

- Jujurlah dalam sesebuah perhubungan. Jangan terlalu mementingkan diri sendiri sehingga menyebabkan orang lain mengharap dan akhirnya terluka dengan penantian yang tidak ada penghujungnya.

## 3. KESUNGGUHAN UNTUK BANGKIT SEMULA MENERIMA KETENTUAN TAKDIR

- Tidak semua orang mampu untuk bangkit semula selepas menerima ujian yang sangat berat dan melemahkan seluruh semangat hidup kita. Apatah lagi apabila melibatkan kehilangan nyawa akibat khilaf diri. Kesakitan dalamannya sukar untuk diubati dan menjadi trauma berpanjangan dalam hidup. Apabila ditimpa kesulitan, kita memerlukan seseorang untuk membantu kita bangun semula.

# PAKCIK KEREK SEMANIS PAVLOVA

## KELEBIHAN / KEKURANGAN

- **Font yang digunakan**
  - Masih sesuai dibaca tanpa berkaca mata!
- **Gaya penulisan**
  - Mudah dan santai, sangat menarik
  - Tidak terlalu puitis
- **Bahasa yang digunakan**
  - Santai macam percakapan biasa
  - Menarik perhatian untuk terus membaca!
- **Plot cerita**
  - Sangat menarik dan tidak membosankan dengan elemen cinta semata.
  - Berkisar tentang kehidupan normal manusia biasa tanpa tokoh tambah yang tidak logik dan membosankan (klise).
  - Tajuk novel kurang memberangsangkan, tapi jalan cerita menarik!!!
- **Fizikal bahan**
  - Sederhana tebal.

**RATING**  
**10++**





**THANK YOU**